



Talking Points

YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN

MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2018

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA**

MENGADAP

**KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG DIPERTUAN BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUANKU MUHRIZ IBNI AL-MARHUM TUANKU MUNAWIR**

MENGADAP

**KE BAWAH ULI YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TUANKU AISHAH ROHANI BINTI AL-MARHUM TENGGU BESAR
MAHMUD**

**AMPUN TUANKU, BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK, MOHON DI
AMPUN**

1. ALHAMDULILLAH, DENGAN PENUH TAKZIM, PATIK BAGI PIHAK KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA MERAFAK SEMBAH SERTA MENJUNJUNG KASIH DI ATAS SUDI PERKENAN DULI YANG MAHA TUANKU DAN DULI YANG MAHA MULIA TUNKU AMPUAN BESAR BERANGKAT MENCEMAR DULI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2018 PADA PAGI YANG MULIA INI.

2. SESUNGGUHNYA KEBERANGKATAN DULI-DULI YANG MAHA MULIA TUANKU BERDUA AMAT DINANTI-NANTIKAN, OLEH WARGA KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KHUSUSNYA PEGAWAI DAN ANGGOTA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA.

3. KESUDIAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU BERDUA BERANGKAT KE MAJLIS INI MENUNJUKKAN KEPRIHATINAN TUANKU TERHADAP PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN YANG DILAKSANAKAN UNTUK RAKYAT JELATA TERUTAMANYA UNTUK

RAKYAT DI NEGERI SEMBILAN INI. IA SEMEMANGNYA TELAH MEMBERI SUNTIKAN SEMANGAT DAN MENYEMARAKKAN LAGI KEAZAMAN DAN KOMITMEN PATIK DAN SEMUA WARGA KERJA KEMENTERIAN PATIK UNTUK MENINGKATKAN LAGI MUTU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT.

AMPUN TUANKU,

4. PATIK MOHON KEIZINAN DAN LIMPAH PERKENAN DULI YANG MAHA TUANKU UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA PARA HADIRIN SEKALIAN

YANG AMAT MULIA

TUNKU ALI REDHAUDDIN IBNI TUANKU MUHRIZ

TUNKU BESAR SERI MENANTI

YAM TUNKU ZAIN AL-ABIDIN IBNI TUANKU MUHRIZ

YANG AMAT BERHORMAT TUAN HAJI AMINUDDIN BIN HARUN

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI
SEMBILAN DAN ISTERI**

**YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
DAN ISTERI**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI HJ. MOHAMMAD BIN MENTEK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**YANG AMAT SETIA TUAN MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID
KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI;**

**YANG SETIA TUAN NORAZAM BIN KHAMIS
PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**KETUA-KETUA JABATAN PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN;
PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT, DIF-DIF JEMPUTAN, PARA
WARTAWAN SERTA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

AMPUN TUANKU,

5. HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA YANG DISAMBUT PADA SETIAP TAHUN INI, ADALAH MERUPAKAN HARI MEMPERINGATI DAN MENGHARGAI PENGORBANAN, SERTA SUMBANGAN BAKTI, PARA ANGGOTA BOMBA SELURUH DUNIA, YANG MEMPERTARUNGKAN NYAWA DI SETIAP SAAT DAN WAKTU, BAGI MENJAGA KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN MANUSIA SEJAGAT, DARIPADA PELBAGAI MUSIBAH DAN BENCANA. SAMBUTAN INI MERUPAKAN SATU PENGHORMATAN YANG AMAT BESAR DAN BERMAKNA KEPADA SELURUH WARGA BOMBA. IANYA MENJADI PENDORONG SERTA PEMBAKAR SEMANGAT

UNTUK TERUS MENABUR BAKTI DAN MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA MASYARAKAT.

SEBAGAI MAKLUMAN PADA HARI YANG SAMA, TEPAT JAM 12 TENGAHARI, BALAI-BALAI BOMBA DI SELURUH NEGARA AKAN MEMBUNYIKAN SIREN SELAMA 30 SAAT DAN DIKUTI DENGAN BERTAFAKUR BAGI MENGINGATI ANGGOTA-ANGGOTA BOMBA YANG TELAH TERKORBAN DAN TERCEDERA DAN JUGA MENGINGATI RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG TELAH MENINGGAL DUNIA.

AMPUN TUANKU,

6. ADALAH MENJADI HASRAT DAN MATLAMAT PATIK DAN SELURUH WARGA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA UNTUK SENTIASA MENINGKATKAN LAGI MUTU PERKHIMATAN BOMBA DAN PENYELAMAT DI NEGARA INI. PATIK SEDAR BAGI SEBUAH ORGANISASI KECEMASAN SEPERTI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, MUTU PERKHIDMATANNYA SANGAT BERGANTUNG KEPADA KEPANTASAN PASUKAN SAMPAI KE TEMPAT KECEMASAN DAN KETEPATAN TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH ANGGOTA SEBAIK TIBA DI LOKASI. UNTUK MENCAPAI

HASRAT INI, PATIK TELAH MENEKANKAN KEPADA PEMBINAAN LEBIH BANYAK BALAI BOMBA DI SELURUH NEGARA DAN JUGA MEMASTIKAN ANGGOTA BOMBA MEMPUNYAI KEMAHIRAN YANG TINGGI SERTA DIBEKALKAN DENGAN KELENGKAPAN YANG SESUAI DENGAN CABARAN YANG DIHADAPI.

7. PADA TAHUN 2017, 83% DARIPADA PANGGILAN KECEMASAN DI SELURUH NEGARA TELAH DIHADIRI OLEH PASUKAN BOMBA DALAM TEMPOH KURANG DARI 20 MINIT. WALAU BAGAIMANAPUN SASARAN SEBENAR BOMBA IALAH

UNTUK SAMPAI KE TEMPAT KECEMASAN DALAM TEMPOH KURANG DARI 10 MINIT. BAGI BEBERAPA BUAH NEGERI SEPERTI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA, LABUAN, PULAU PINANG DAN MELAKA, KETIBAAN PASUKAN BOMBA KE TEMPAT KECEMASAN DALAM TEMPOH 20 MINIT TELAH MENCAPI HAMPIR 100%. PENEKANAN PADA MASA INI ADALAH UNTUK MENINGKATKAN PERATUS KETIBAAN PASUKAN BOMBA KE TEMPAT KECEMASAN DALAM TEMPOH KURANG DARI 10 MINIT YANG MANA KEDUDUKANNYA PADA MASA INI IALAH 48%.

8. ALHAMDULILLAH, BERKAT KEMAKMURAN NEGARA KITA, PADA MASA INI SEBANYAK 40 BUAH BALAI BOMBA SEDANG DALAM PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SEBANYAK 294 BALAI BOMBA SEDIA ADA. DI NEGERI SEMBILAN INI 17 BALAI BOMBA TELAH SEDIA ADA DAN AKAN ADA PROJEK BARU YANG AKAN DIMULAKAN PEMBINAAN TIDAK LAMA LAGI. PATIK YAKIN DENGAN TERBINANYA BALAI-BALAI INI, *RESPONSE TIME* PASUKAN BOMBA KE TEMPAT KECEMASAN AKAN TERUS BERTAMBAH BAIK.

9. PATIK JUGA AKAN MENERUSKAN USAHA MEMBERI KESEDARAN KESELAMATAN KEBAKARAN KEPADA MASYARAKAT. USAHA-USAHA MENDEKATI MASYARAKAT DAN MELIBATKAN MEREKA DALAM AKTIVITI KEBOMBAAN AKAN DITERUSKAN SEBAGAI LANGKAH PRO-AKTIF BAGI MENCEGAH KEBAKARAN DARIPADA BERLAKU. ANTARA USAHA YANG TELAH DAN SEDANG DILAKUKAN IALAH MEMPERKASA PASUKAN BOMBA SUKARELA DAN MENUBUHKAN LEBIH BANYAK PASUKAN BOMBA KOMUNITI. TENAGA AHLI-AHLI PARLIMEN, WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN PEMIMPIN MASYARAKAT TELAH DIGEMBELING SUPAYA TERLIBAT

BERSAMA-SAMA DALAM USAHA MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT INI.

10. PADA TAHUN 2017, JBPM TELAH MENGHADIRI SEBANYAK 86,982 PANGGILAN KECEMASAN IAITU 29,356 PANGGILAN MELIBATKAN KEBAKARAN, 54,884 PANGGILAN PENYELAMATAN, 2,392 PANGGILAN KHIDMAT KHAS DAN 350 PANGGILAN PALSU. PURATA PANGGILAN YANG DI TERIMA OLEH JBPM ADALAH 238 SEHARI. JUMLAH KESELURUHAN PANGGILAN MENUNJUKKAN PENURUNAN SEBANYAK 6% BERBANDING 92,307 KES PADA TAHUN

2016. PANGGILAN KEBAKARAN TELAH MENUNJUKKAN PENURUNAN YANG BESAR IAITU SEBANYAK 41% BERBANDING SEBANYAK 49,876 PADA TAHUN 2016. INI SATU PERKEMBANGAN YANG SANGAT MENGGALAKKAN. WALAUPUN MASIH TERLALU AWAL, SAYA BERHARAP PENURUNAN INI ADA KAITANNYA DENGAN KEMPEN DAN AKTIVITI YANG KITA LAKUKAN SELAMA INI.

11. MANAKALA BAGI JUMLAH KEMATIAN AKIBAT KEBAKARAN ADALAH SEBANYAK 165 ORANG, MENINGKAT 54% BERBANDING SEBELUMNYA. TAKSIRAN KERUGIAN DAN KEMUSNAHAN HARTA

BENDA PULA ADALAH SEBANYAK RM 5.2 BILLION IAITU MENINGKAT SEBANYAK 81.81% BERBANDING RM 2.8 BILLION TAHUN 2016. TAKSIRAN HARTA YANG DISELAMATKAN JUGA MENINGKAT SEBANYAK 42.29% IAITU RM 50.9 BILLION, BERBANDING RM 35.8 BILLION PADA TAHUN SEBELUMNYA.

12. PATIK JUGA SENTIASA MEMBERI PERHATIAN YANG TELITI TERHADAP KEPERLUAN PENCEGAHAN KEBAKARAN BAGI SESEBUAH BANGUNAN SUPAYA MENGIKUT PIAWAIAN YANG DITETAPKAN. PATIK PERCAYA PENGABAIAN DALAM ASPEK INI

AKAN MENGUNDANG KEMERBAHAYAAN DAN KEMUDARATAN DI MASA HADAPAN. RAKYAT PERLU SEDAR BAHAYA KEBAKARAN PERLU DICEGAH DARI AWAL. USAHA MEMADAM KEBAKARAN SEHARUSNYA MENJADI BENTENG YANG TERAKHIR DALAM KAWALAN KEBAKARAN.

AMPUN TUANKU,

13. JELAS SEKALI BAHAWA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ANGGOTA BOMBA DALAM MEMBERI PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN KEPADA RAKYAT, BANGSA DAN NEGARA SEMAKIN MENCABAR. AKAN TETAPI BERKAT SOKONGAN DAN

**DORONGAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU, PATIK YAKIN
SEGALANYA AKAN MENJADI LEBIH MUDAH DAN BERAKHIR
DENGAN NATIJAH YANG BAIK JUA.**

AMPUN TUANKU,

**14. AKHIR KALAM, SEKIANLAH SAHAJA PERSEMBAHAN UCAPAN
PATIK PADA PAGI INI. SEKALI LAGI PATIK MERAFAK SEMBAH KE
BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU DAN TUANKU AMPUAN
BESAR NEGERI SEMBILAN ATAS PERKENAN TUANKU**

**MERASMIKAN SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2018
PADA HARI YANG BERSEJARAH INI.**

PATIK MENJUNJUNG KASIH, TUANKU

وَبَلِّغْهُ تَوْفِيقَهُ وَآلِ هُدَايَهُ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ